Abdul Jaffar bin Abdul Muthalib lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain

A

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERMOHONAN JENAYAH NO 44–04 TAHUN 2006(4)
AZAHAR MOHAMED H
5 NOVEMBER 2006

B

Undang-Undang Pentadbiran — Remedi — Habeas corpus — Permohonan — Permintaan peguam untuk butir-butir lengkap untuk tujuan penyediaan representasi kepada Lembaga Penasihat tidak dipedulikan — Sama ada terdapat kehendak prosedur yang menghendaki Lembaga Penasihat atau pihak pendakwa menyampaikan permohonan untuk mendapatkan butiran-butiran tambahan kepada Menteri — Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969

C

D

Pemohon telah ditahan oleh responden kedua, Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor pada 14 September 2005 di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969'). Peguam pemohon telah melalui sepucuk surat bertarikh 28 Oktober 2005 ('eksh AJ-4') kepada Lembaga Penasihat meminta supaya dibekalkan butir-butir lengkap berkenaan pengataan fakta yang menjadi alasan bagi tahanan pemohon bagi tujuan menyediakan representasi yang sempurna kepada Lembaga Penasihat. Responden pertama telah gagal memberi butir-butir lengkap berkenaan. Menurut peguam, pemohon mempunyai hak di bawah s 5(2)(b)(iii) Ordinan 1969 untuk memohon butir-butir tambahan tersebut. Menurut peguam lagi, tiada jawapan diterima daripada Lembaga Penasihat terhadap permohonan tersebut tetapi sebaliknya Setiausaha kepada Lembaga Penasihat dalam afidavitnya menyatakan bahawa maklumat-maklumat yang diperlukan tidak patut diberikan kerana ianya bertentangan dengan kepentingan negara untuk didedahkan. Pemohon telah mencabar perintah tahanan tersebut dengan memfailkan suatu notis usul agar satu writ habeas corpus dikeluarkan terhadapnya. Isu adalah sama ada terdapat kehendak prosedur yang menghendaki Lembaga Penasihat atau pihak pendakwa menyampaikan permohonan untuk mendapatkan butiran-butiran tambahan tersebut kepada Menteri yang berkenaan.

E

F

G

H

Diputuskan, menolak permohonan tersebut:

Perintah tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri pada 14 September 2005 di bawah s 4(1) Ordinan 1969 hanya boleh dicabar atas alasan ketidakpatuhan terhadap keperluan prosedur apabila membuat tahanan. Tidak ada peruntukan dalam Ordinan 1969 yang menghendaki Lembaga Penasihat ataupun pihak pendakwa menyampaikan permohonan tersebut kepada Menteri yang berkenaan.

I

Memandangkan tidak terdapat keperluan untuk Lembaga Penasihat atau pihak pendakwa menyampaikan permohonan tersebut kepada Menteri yang berkenaan maka tidak mungkin wujud ketidakpatuhan keperluan tersebut. Dengan yang demikian, isu yang dibangkitkan oleh pemohon tidak mempunyai merit kerana ianya tidak membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosedur. Dalam erti kata lain, pemohon tidak berhak untuk mencabar perintah tahanan tersebut (lihat perenggan 11).

[English summary

The applicant was detained by the second respondent, the Superintendent of the Moral Remedial Centre, Simpang Renggam, Johor on 14 September 2005 under the Emergency Ordinance (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinance 1969'). The counsel for the applicant had via a letter dated 28 October 2005 ('eks AJ-4') to the Advisory Board requested for the full details of the statement of facts on which the applicant's detention was grounded for the preparation of the representation to the Advisory Board. The 1st respondent failed to furnish the full details requested. According to the counsel, the applicant has the right under s 5(2)(b)(iii) Ordinance 1969 to request for the said further particulars. Further, according to the counsel, there was no reply received from the Advisory Board on the said application but instead the Secretary to the Advisory Board in his affidavit stated that the information required should not be released as its disclosure was contrary to national security. The applicant challenged the detention order by filing a notice of motion for a writ habeas corpus to be issued. The issue was whether there was a procedural requirement that require the Advisory Board or the prosecution to deliver the application for further particulars to the related Minister.

Held, dismissing the application:

The detention order made by the Deputy Minister on 14 September 2005 under s 4(1) Ordinance 1969 can only be challenged on the ground of non compliance with the procedural requirement when making a detention. There is no provision in Ordinance 1969 which required the Advisory Board or the prosecution to deliver the said application to the related Minister. As there was no requirement for the Advisory Board or the prosecution to deliver the application to the related Minister, there could not be requirement non-compliance. Therefore, the issue raised by the applicant has no merit as it did not raise any non-compliance issue or breach of the procedure. In other words, the applicant has no right to challenge the said detention order (see para 11).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai habeas corpus, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 580–634.

Kes-kes yang dirujuk

Gunasilan a/l Ramasamy lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain [2005] 7 MLJ 88 (dirujuk)

Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 yang lain [2005] 4 AMR 724 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Prosedur Jenayah s 365(1)
Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ss 4(1), 5(2)(b)(iii), 11

RR Mahendran (RR Mahendran & Co) bagi pihak pemohon.
Tengku Amir Zaki Tengku Rahman (Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri) bagi pihak responden.

Azahar Mohamed H:

[1] Ini adalah satu notis usul di lampiran 3 yang difailkan pada 5 Januari 2006 oleh pemohon, Abdul Jaffar bin Abdul Muthalib di bawah s 365(1) Kanun Prosedur Jenayah untuk satu perintah bahawa tahanan pemohon oleh responden kedua, Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 ('Ordinan 1969') adalah tidak sah dan terbatal. Pemohon memohon agar satu writ *habeas corpus* dikeluarkan dan juga memohon satu perintah supaya dia dibebaskan serta-merta daripada tahanan tersebut.

[2] Fakta ringkas yang membawa kepada permohonan di lampiran 3 tesebut adalah seperti berikut. Tidak dipertikaikan bahawa pada awalnya pemohon telah diperintahkan ditahan selama dua tahun mulai dari 6 November 2004 di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Renggam, Johor ('pusat tersebut') di bawah satu perintah tahanan yang dikeluarkan oleh responden pertama, Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri bertarikh 5 November 2004. Oleh kerana tidak puas hati, kemudiannya pada 29 Disember 2004, pemohon telah mencabar perintah tahanan tersebut dengan memfailkan satu notis usul agar satu writ habeas corpus dikeluarkan terhadapnya. Permohonan melalui notis usul tersebut telah didaftarkan sebagai Mahkamah Tinggi Johor Bahru, Permohonan Jenayah No (4) 44–131 tahun 2004 dan pada 19 Julai 2005, Mahkamah Tinggi telah memerintahkan bahawa tahanan pemohon di bawah perintah tahanan yang bertarikh 5 November 2004 itu adalah tidak sah dan terbatal. Selanjutnya, mahkamah telah juga memerintahkan supaya satu writ habeas corpus dikeluarkan terhadap pemohon dan memerintahkan pemohon hendaklah dibebaskan dengan serta merta. Sejajar dengan perintah mahkamah itu, pemohon kemudiannya telah dibebaskan daripada pusat tersebut. Tidak berapa lama selepas itu, pemohon telah ditangkap semula oleh pihak polis. Selanjutnya, pada 14 September 2005 responden pertama telah mengeluarkan satu perintah tahanan baru terhadap pemohon selaras dengan s 4(1) Ordinan 1969. Untuk memudahkan rujukan, perintah tahanan baru tersebut diperturunkan di bawah ini:

OD (KAMJ) 1B

ORDINAN DARURAT

(KETENTERAMAN AWAM DAN MENCEGAH JENAYAH) 1969

PERINTAH TAHANAN

[Seksyen 4(1) 1]

Kepada:

Pegawai Yang Menjaga Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor;

Ketua Polis Negara, Malaysia;

Semua Pegawai Polis Diraja Malaysia yang berkenaan.

BAHAWASANYA saya, berpuashati yang Perintah Tahanan adalah perlu dibuat ke atas orang yang namanya tersebut di bawah ini dengan tujuan;

(a) ~~jklfuernizafuwaerfasigdasreuagfadsfawrezsOgmzg9reiakdffaefahuefaue/lrfas~~ *

(b) menghapuskan kekerasan *

(c) mencegah jenayah melibatkan kekerasan *

Nama	Nombor Kad Pengenalan
ABDUL JAFFAR BIN ABDUL MUTHALIB	700612-07-5175

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberi di bawah Seksyen 4(1), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969, saya dengan ini memerintahkan supaya orang yang namanya yang tersebutr di atas ditahan selama satu (1) tahun mulai dari 14 haribulan September 2005. di Pusat Pemulihan Akhlak, Simpang Rengam, Johor atau di mana-mana tempat lain sebagaimana yang diarah dari semasa ke semasa.

Diperbuat pada 14 haribulan September 2005

t.t

(DATO' NOH BIN HJ OMAR)

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam

Negeri Malaysia

[KAMJ 15395]

Potong yang tidak berkenaan

[3] Manakala penyataan mengenai alasan-alasan serta pengataan-pengataan fakta yang atasnya perintah tahanan itu dibuat adalah seperti berikut:

Lampiran E

ORDINAN DARURAT (KETENTERAMAN AWAM DAN

MENCEGAH JENAYAH) 5/69

Nama Orang Tahanan: ABDUL JAFFAR BIN ABDUL MUTHALIB

No. Kad Pengenalan: 700612-07-5175

ALASAN-ALASAN YANG ATASNYA PERINTAH ITU DIBUAT:

Kamu adalah seorang penjenayah yang telah melibatkan diri dalam kegiatan jenayah yang bercorak kekerasan.

PENGATAAN-PENGATAAN FAKTA YANG ATASNYA PERINTAH ITU DIASASKAN:

Bahawa kamu adalah seorang ahli kumpulan samun wang tunai/pengurup wang yang bergiat aktif di sekitar kawasan, Perak dengan menyamar sebagai polis dan menggunakan gari. Diantara kejadian yang melibatkan kamu ialah:-

1 Bahawa kamu pada 16.2.2003, jam lebih kurang 2.30 pagi, di rumah no. 49, Jalan Lim Boo Seng, Ipoh, Perak, bersama (6) orang rakan sejenayah kamu telah melakukan samun terhadap 4 orang lelaki (pondan) warnagegara Thai. Kamu telah menendang dan menggari rakan mangsa manakala seorang rakan sejenayah kamu telah menunjukkan kad kuasa dan mengenalkan diri sebagai anggota polis. Keudian 2 orang rakan sejenayah kamu telah menggeledah rumah mangsa dan merampas 2 telafon bimbit dan wang tunai RM400.00. Kamu bersama rakan sejenayah kamu telah melarikan diri dengan 2 buah kenderaan iaitu Proton Perdana V6 No. WHQ 94 dan Proton Waja No. WJN 7329. Jumlah kerugian RM710.00.

2 Bahawa kamu pada 16.2.2003, jam lebih kurang 3.00 pagi, di rumah No. 95, Jalan Yang Kalsom, Ipoh, Perak, bersama (6) orang rakan sejenayah kamu telah melakukan samun terhadap 4 orang lelaki (pondan) warganegara Thai. Kamu bersama (5) orang rakan sejenayah kamu telah mengumpulkan semua mangsa dan kamu telah memukul rakan mangsa dengan tangan dan telah memaksa mangsa dan rakan mangsa menanggal baju sehingga bogel. Kemudian 2 orang rakan sejenayah kamu telah menggeledah rumah mangsa dan merampas wang tunai RM1,000.00, mata wang Thai 800 Baht dan (4) telefon bimbit mangsa. Kamu bersama rakan sejenayah kamu telah melarikan diri dengan 2 buat kenderaan iaitu Proton Perdana V6 No. WHQ 94 dan Proton Waja No. WJN 7329. Jumlah kerugian RM2,040.00.

Dengan Arahan

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri

Tarikh: 14 September 2005 t.t

(NOOR AZHAR BIN MISTAR)

Penolong Setiausaha

Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

(KAMJ 15395)

[4] Pemohon tidak puas hati dengan perintah tahanan bertarikh 14 September 2005. Sekali lagi pemohon mencabar perintah tahanan yang dibuat terhadapnya di bawah Ordinan 1969. Melalui peguamnya, pemohon telah memfailkan pada 5 Januari 2006, notis usul di lampiran 3 itu.

[5] Pada masa pendengaran notis usul di lampiran 3 di hadapan saya, En RR Mahendran yang mewakili pemohon telah berhujah bahawa responden pertama

telah gagal untuk memberi butir-butir lengkap berkenaan pengataan fakta yang dipohon oleh pemohon bagi tujuan menyediakan representasi yang sempurna kepada Lembaga Penasihat. Menurut peguam, pemohon mempunyai hak di bawah s 5(2)(b)(iii) Ordinan 1969 ('seksyen tersebut') untuk memohon butir-butir tambahan. Bagi menyokong penghujahannya, peguam telah merujuk kepada eksh AJ-4 iaitu surat bertarikh 28 Oktober 2005 yang berbunyi seperti berikut:

Our Ref: RRM/CRIM/713/2004/r.mallisah

Your Ref:

28hb. Oktober, 2005

Pengerusi MELALUI FAX/POS

Lembaga Penasihat FAXSIMILI NO. 03-88883776/88892281

Jabatan Perdana Menteri

Aras 2, Blok Barat

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62502 Putrajaya

UP: Tuan Nasrul Hadi

Tuan,

PER: NAMA TAHANAN: ABDUL JAFFAR BIN ABDUL MUTHALIB

NO. TAHANAN: JST 830/2005

PERMOHONAN UNTUK MENETAPKAN PENDENGARAN REPRESENTASI

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas di mana kami mewakili En Abdul Jaffar bin Abdul Muthalib (JST No. 830/2005) yang ditahan di bawah Perintah Tahanan bertarikh 14/09/2005 di bawah Seksyen 4 (1) Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor Darul Takzim.

Kami diarahkan untuk mewakili anak guam pada masa pendengaran representasi anak guam di hadapan Lembaga Penasihat dan untuk tujuan perwakilan tersebut kami memerlukan makluman berikut;

i Identiti enam (6) rakan sejenayah yang dikatakan telah membantu anak guam dalam melakukan samun dalam allegasi fakta Lampiran E dan apakah kedudukan penyiasatan terhadap enam (6) orang sejenayah tersebut; dan

ii Maklumat berkenaan terdapatnya dua (2) kereta Proton Perdana V6 No. WHQ 94 dan Proton Waja No. WJN 7239 di Jalan Lim Boo Seng, Ipoh, Perak dan Jalan Yang Kalsom Ipoh, Perak. Adalah tidak logik boleh terdapatnya dua (2) kereta dengan nombor pendaftaran yang sama di dua tempat yang berlainan pada masa yang sama.

Kami ingin memaklumkan bahawa peguambela yang mengendalikan perwakilan representasi anak guam i.e. Rn. RR Mahendran berada di luar negeri dari 29/10/2005 hingga 13/11/2005 dan memohon tarikh representasi seperti berikut:-

i November, 2005 – 17hb

ii Disember, 2005 – 12hb., 13hb dan 16hb.

Yang benar,

t.t

s.k. Penguasa

Pusat Pemulihan Akhlak Wanita MELALUI FAX/POS

Simpang Renggam 07-7556050

86200 Simpang Renggam

JOHOR DARUL TAKZIM

[6] Selanjutnya, peguam pemohon telah berhujah bahawa adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Lembaga Penasihat untuk menyampaikan permohonan tersebut kepada Menteri yang berkenaan. Menurut peguam lagi, tiada jawapan diterima daripada Lembaga Penasihat terhadap permohonan tersebut tetapi sebaliknya setiausaha kepada Lembaga Penasihat dalam afidavitnya menyatakan bahawa maklumat-maklumat yang diperlukan tidak patut diberikan kerana ianya bertentangan dengan kepentingan negara untuk didedahkan. Tambah peguam lagi, Lembaga Penasihat telah bertindak di luar kuasa dan bidang kuasanya dengan membuat keputusan untuk tidak memberi butir-butir sepertimana yang dikehendaki oleh pemohon kerana hanya Menteri yang berkenaan sahaja yang mempunyai kuasa di bawah seksyen tersebut untuk membuat keputusan yang sewajarnya. Selanjutnya, peguam dalam penghujahannya menyatakan bahawa pada pendengaran pada 1 Disember 2005 pemohon telah juga meminta pihak pendakwa butiran-butiran tersebut tetapi pihak pendakwa gagal memberi sebarang maklumat.

[7] Untuk memahami penghujahan peguam itu dan bagi memudahkan rujukan, diperturunkan s 5(2)(b)(iii) Ordinan 1969 yang berbunyi:

Representations Against Detention Order

5. (1) A copy of every detention order shall as soon as may be after the making thereof be served on the person to whom it relates, and every such person shall be entitled to make representations against the order to an Advisory Board.

(2) For the purpose of enabling a person to make representations under subsection (1) he shall, at the time of the service on him of the order —

(a) be informed of his right to make representations to any Advisory Board under subsection (1); and

(b) be furnished by the Minister with a statement in writing —

(i) of the grounds on which the order is made;

(ii) of the allegations of fact on which the order is based: and

(iii) of such other particulars, if any, as he may in the opinion of the Minister reasonably require in order to make his representations against the order to the Advisory Board.

[8] Penting untuk diberi perhatian bahawa mengikut peruntukan tersebut, kuasa untuk memberi apa-apa butir lain adalah terletak sepenuhnya kepada Menteri yang

berkenaan. Sehubungan ini, ingin saya tekankan bahawa pemohon membuat permohonan tersebut bukannya kepada Menteri yang berkenaan tetapi sebaliknya adalah jelas seperti yang dapat dilihat dalam eksh AJ-4 yang di atas itu, bahawa ianya dibuat kepada Lembaga Penasihat.

[9] Di peringkat ini, ingin saya merujuk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 yang lain*; [2005] 4 AMR 724 di mana Yang Arif Abdul Hamid Mohamad HMP dalam menyampaikan keputusan mahkamah tersebut di halaman 739 telah menyatakan:

> In our view, courts must give effect to the amendments. That being the law, it is the duty of the courts to apply them. So, in a habeas corpus application where the detention order of the Minister made under section 4(1) of the Ordinance or, for that matter, the equivalent sections in ISA 1960 and DD (SPM) Act 1985, the first thing that the courts should to is to see whether the ground forwarded is one that falls within the meaning of procedural non-compliance or not. To determine the question, the courts should look at the provisions of the law or the rules that lay down to procedural requirements. It is not for the courts to create procedural requirements because it is not the function of the courts to make law or rules. If there is no such procedural requirement then there cannot be non-compliance thereof. Only if there is that there can be non-compliance thereof and only then that the courts should consider whether, on the facts, there has been non-compliance.

[10] Apa yang jelas daripada autoriti tersebut ialah bahawa dalam sesuatu permohonan habeas corpus mahkamah hanya mempunyai bidang kuasa untuk meneliti ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana kehendak prosedur di bawah Ordinan 1969 tersebut (sila lihat *Gunasilan a/l Ramasamy lwn Timbalan Menteri Dalam Negeri Malaysia dan lain-lain* [2005] 7 MLJ 88.

[11] Berbalik kepada kes di hadapan saya, perintah tahanan yang dibuat oleh Timbalan Menteri pada 14 September 2005 di bawah s 4(1) Ordinan 1969 hanya boleh dicabar atas alasan ketidakpatuhan terhadap keperluan prosedur apabila membuat tahanan. Berdasarkan penghujahan yang dikemukakan oleh peguam pemohon, pada hemat saya, isu yang perlu diputuskan adalah sama ada terdapat kehendak prosedur yang menghendaki Lembaga Penasihat atau pihak Pendakwa menyampaikan permohonan untuk mendapatkan butiran-butiran tersebut kepada Menteri yang berkenaan. Peguam pemohon tidak dapat menunjukkan bahawa adanya kehendak prosedur yang sedemikian. Pada hemat saya, penghujahan Peguam Kanan Persekutuan adalah betul apabila beliau menyatakan bahawa tidak ada peruntukan dalam Ordinan 1969 yang menghendaki Lembaga Penasihat ataupun pihak Pendakwa menyampaikan permohonan tersebut kepada Menteri yang berkenaan. Memang benar kes di hadapan saya melibatkan undang-undang yang menyekat kebebasan seseorang. Namun, bukanlah kewajipan atau tanggungjawab mahkamah untuk mewujudkan keperluan sesuatu prosedur atau peraturan. Mahkamah tidak berfungsi untuk membuat undang-undang atau peraturan. Fungsi yang sedemikian terletak kepada pihak Legislature. Dan sebagaimana yang diputuskan dalam kes *Lee Kew Sang v Timbalan Menteri Dalam Negeri, Malaysia dan 2 yang lain* jika tidak terdapat keperluan prosedur tertentu, maka tidak mungkin wujud ketidakpatuhan terhadapnya. Pada hemat saya dalam kes di hadapan saya ini,

memandangkan tidak terdapat keperluan untuk Lembaga Penasihat atau pihak pendakwa menyampaikan permohonan tersebut kepada Menteri yang berkenaan maka tidak mungkin wujud ketidakpatuhan keperluan tersebut. Dengan yang demikian, pada hemat saya, isu yang dibangkitkan oleh pemohon tidak mempunyai merit kerana ianya tidak membangkitkan isu ketidakpatuhan atau pelanggaran kehendak prosedur. Dalam erti kata lain, pemohon tidak berhak untuk mencabar perintah tahanan tersebut di sebabkan peruntukan s 7(c) Ordinan 1969 yang menyatakan seperti berikut:

> There shall be no judicial review in any court of, and no court shall have or exercise any jurisdiction in respect of, any act done or decisions made by Yang Di-Pertuan Agong or the Minsiter in the exercise of their discretionary power in accordance with the Ordinance, save in regard to any question or compliance with any procedural requirement in this Ordinance governing such act or decision.

[12] Ada satu perkara lagi yang ingin saya sentuh di sini. Ianya adalah berkenaan penghujahan peguam bahawa Lembaga Penasihat telah bertidak di luar kuasa dan bidang kuasanya di bawah seksyen tersebut apabila memutuskan bahawa butir-butir yang di pohon itu tidak patut dizahirkan kepada pemohon. Persoalannya di sini adakah betul sepertimana yang di hujahkan oleh peguam pemohon bahawa dalam kes ini Lembaga Penasihat telah melanggar peruntukan seksyen tersebut dengan bertindak sedemikian. Untuk menjawab persoalan ini rujukan perlu dibuat kepada afidavit-afidavit yang berkaitan yang difailkan oleh kedua-dua pihak. Dalam hubungan ini, pemohon dalam afidavitnya di lampiran 4 perenggan 13, antara lain, menyatakan seperti yang berikut:

> 13) Selebihnya Lembaga Penasihat tidak memberi respons kepada surat peguamcara saya bertarikh 28 Oktober 2005 meminta butir-butir lengkap berkenaan pengataan fakta untuk tujuan menyediakan representasi yang sempurna.

[13] Bagi menjawab pernyataan pemohon itu, En Mohd. Khairul bin Zamalluddin yang merupakan setiausaha kepada Lembaga Penasihat dalam afidavit jawapannya di lampiran 14 perenggan 11 menyatakan seperti yang berikut:

> 11. Saya sekali lagi merujuk kepada para 13 Afidavit Pemohon dan memaklumkan bahawa Pengerusi Lembaga Penasihat telah mengarahkan kepada saya bahawa permintaan Peguam Pemohon dalam kes ini untuk mendapatkan fakta tambahan mengenai dakwaan fakta bagi tujuan membuat representasi di hadapan Lembaga Penasihat adalah tidak dibenarkan. Ini kerana setelah beliau membuat pertimbangan yang sewajarnya, beliau berpendapat bahawa maklumat-maklumat yang diperlukan tersebut adalah tidak patut diberikan kerana ia akan bertentangan dengan kepentingan Negara untuk didedahkan. Atas alasan tersebut, saya tidak memberi apa-apa respons terhadap surat peguam Pemohon seperti yang terdapat di eksh 'AJ-4' afidavit Pemohon. Malahan tiada keperluan dari segi undang-undang di pihak saya untuk menjawab surat tersebut berkenaan dengan permohonan Pemohon untuk mendapatkan fakta tambahan mengenai dakwaan fakta.

[14] Membaca dengan teliti apa yang dinyatakan oleh setiausaha kepada Lembaga Penasihat itu, saya mendapati adalah tidak benar sama sekali untuk menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah bertindak di bawah seksyen tersebut dengan

memutuskan bahawa butir-butir yang dipohon tidak patut diberikan kepada pemohon. Ada dua alasan bagi saya menyatakan sedemikian. Pertama, dalam afidavitnya itu setiausaha kepada Lembaga Penasihat tidak merujuk kepada seksyen tersebut. Dalam hubungan ini s 11 Ordinan 1969, antara lain, memperuntukkan bahawa seorang ahli Lembaga Penasihat tidak dikehendaki memberi apa-apa maklumat atau dokumen jika pendedahannya bertentangan dengan kepentingan negara. Dan kedua, permohonan pemohon untuk mendapatkan maklumat sepertimana dalam surat bertarikh 28 Oktober 2005 yang telahpun perturunkan di atas tidak menyatakan permohonan itu dibuat di bawah seksyen tersebut.

[15] Masih lagi dalam isu yang sama, pemohon dalam afidavit balasannya di lampiran 14A perenggan 6 membuat dakwaan seperti yang berikut:

> 6) Selebihnya saya tidak dapat memberi representasi yang sempurna disebabkan pihak responden pertama dan responden ketiga termasuk Lembaga Penasihat tidak memberi maklumat yang jelas berkenaan pengataan fakta sepertimana Lampiran E. Peguamcara saya telah melalui surat bertarikh 28 Februari 2005, ie eksh AJ-4 dalam kandungan 4 meminta Lembaga Penasihat butiran-butiran dan maklumat jelas tetapi tiada maklum balas. Pada pendengaran pada 1 Disember 2005, saya juga telah meminta pendakwa responden pertama dan responden ketiga berkenaan kekaburan dan percanggahan dalam Lampiran E sepertimana surat peguamcara saya bertarikh 28 Februari 2005 tetapi pendakwa tersebut gagal memberi sebarang maklumat. Saya telah diprejudiskan dengan seriusnya berkenaan kegagalan ini.

[16] Bagi menjawab dakwaan pemohon tersebut, En Mohd Khairul bin Zamalluddin dalam afidavit tambahannya di lampiran 15 perenggan 6 menyatakan seperti yang berikut:

> 6. Merujuk kepada perenggan 6 dalam afidavit balasan pemohon, saya sesungguhnya menafikan penyataan-penyataan di dalamnya dan menyatakan bahawa setelah mengambil perhatian terhadap soal-soal keselamatan demi kepentingan negara, pihak Lembaga Penasihat telah memutuskan bahawa maklumat yang diminta tidak patut dizahirkan kepada pemohon ataupun kepada peguam pemohon.

[17] Sekali lagi, setelah membaca dengan teliti apa yang dinyatakan oleh setiausaha kepada Lembaga Penasihat itu, saya mendapati adalah tidak benar sama sekali untuk menyatakan bahawa Lembaga Penasihat telah bertindak di bawah seksyen tersebut. Pada pandangan saya, peguam pemohon telah salah faham tentang apa yang dinyatakan oleh setiausaha kepada Lembaga Penasihat berkaitan isu yang dibangkitkan

[18] Pada kesimpulannya, pada hemat saya, pemohon telah gagal untuk menunjukkan bahawa terdapat ketidakpatuhan atau pelanggaran mana-mana

kehendak dan keperluan prosedur di bawah Ordinan 1969. Dengan yang demikian, berdasarkan alasan-alasan yang telah saya huraikan di atas, lampiran 3 ditolak. A

Permohonan ditolak.

Reported by Loo Lai Mee B

C

D

E

F

G

H

I